



kecederaan, kecuali mereka yang mengalami keca-
catan kekal. Pelbagai cadangan sudah dikemukakan
untuk mengatasi masalah berkenaan, termasuk
tindakan tegas seperti penggantungan lesen atau
penjara, tetapi lumba haram masih berterusan.

Polemik tentang kegiatan lumba haram semakin
diperkatakan sejak kejadian yang melibatkan Setia-
usaha Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk
Abdul Rahman Ariffin dipukul geng motosikal haram
pada awal tahun baru merupakan satu insiden yang
melampau dan amat mendukacitakan. Kejadian ini
menunjukkan pelumba haram sanggup bertindak
seperti samseng dan mafia sehingga sanggup
melakukan apa-apa sahaja demi kepentingan mereka.
Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejak dari
dahulu hingga sekarang masalah lumba haram sering
menghantui pelbagai pihak termasuk ibu bapa, orang
awam, dan pihak berkuasa. Hal ini demikian kerana
perbuatan tidak bermoral itu dikatakan mengancam
keselamatan nyawa pengguna jalan raya serta
penunggang itu sendiri.

Persoalan yang ingin ditimbulkan di sini ialah

fokus

Oleh
HJ. SAMAT BUANG

*Month
Juvenile
Delinquen*

p: 11-15

LUMBA HARAM - BAGAIMANA MENGATASINYA?

Pendahuluan

SAMA ada kita sedar mahupun tidak, gejala lumba haram begitu berleluasa di banyak tempat terutama di bandar-bandar besar, di sebalik pelbagai tindakan tegas yang diambil oleh pihak polis. Mereka seolah-olah tidak takut dengan undang-undang dan tidak pernah serik walaupun media sering memaparkan betapa bahayanya aksi mereka. Nasihat dan teguran tidak pernah diendahkan, malah pelbagai kempen yang dijalankan termasuk melalui media cetak dan elektronik ibarat mencurah air ke daun keladi. Ada antara pelumba haram ini yang pernah dihumban ke dalam penjara atau mengalami kemalangan, kembali beraksi setelah dibebaskan atau pulih daripada

Polemik tentang kegiatan lumba haram semakin diperkatakan sejak kejadian yang melibatkan Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Abdul Rahman Ariffin dipukul geng motosikal haram pada awal tahun baru merupakan satu insiden yang melampau dan amat mendukacitakan.



sejauh mana keberkesanan penguatkuasaan undang-undang terhadap pesalah lumba haram ini? Hal ini kerana sering kali pelumba haram ditangkap, tetapi masih banyak lagi penunggang lain berlumba di jalan raya dan tidak serik-serik meskipun ada yang membawa maut. Apakah sebabnya remaja kita asyik berlumba haram dengan pelbagai aksi yang membahayakan serta cuba menarik perhatian orang ramai yang berada di sekitar mereka? Masalah ini tidak akan selesai sampai bila-bila pun jika pihak berkuasa tidak memikirkan kaedah berkesan untuk menanganinya secara bersungguh-sungguh.

Faktor-faktor kegiatan lumba haram

Apa-apa pun masalah yang melibatkan masalah sosial termasuk lumba haram sebenarnya tidak terlepas daripada soal sikap remaja itu sendiri. Hal ini demikian kerana masalah ini wujud kerana sikap ego dan tidak mengambil peduli akan kesejahteraan orang lain. Mereka seolah-olah mahu menunjukkan sifat 'hero' dan kejantanan tanpa mengira tempat dan waktu. Mereka memperlihatkan sikap mencabar kewibawaan undang-undang dan tindakan pihak berkuasa.

Lebih malang lagi apabila sikap mereka yang bermaharajalela di jalan-jalan raya tidak dihiraukan oleh ibu bapa mereka sendiri atau kegagalan membentuk mereka menjadi manusia yang berdisiplin. Mereka menjadi liar dan bertindak agresif apabila bersama-sama dalam kumpulan yang mempunyai matlamat dan arah tuju tidak lain daripada menimbulkan suasana gempar di jalan raya dan menarik perhatian orang ramai. Sebenarnya, kebanyakan remaja yang terlibat dengan lumba haram kerana mereka bosan dan menghadapi tekanan disebabkan tidak ada aktiviti pada waktu malam. Mereka menyertai lumba haram hanya sekadar untuk memenuhi masa lapang selain bersuka ria.

Selain itu, masalah lumba haram akan terus berpanjangan kerana wujudnya bengkel motor dan kereta yang berperanan menjadi dalang mengubah suai enjin kenderaan supaya lebih laju di jalan raya.

Mereka bukan sahaja mengaut keuntungan yang lumayan daripada pengubahsuaian enjin malah dikatakan turut menjadi penganjur dalam beberapa kegiatan lumba haram. Kerjasama antara pelumba haram dan bengkel motor dan kenderaan amat erat sehingga mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja untuk mencapai kemenangan dalam setiap perlumbaan. Lebih-lebih lagi jika perlumbaan itu disertai dengan pertaruhan yang menarik seperti hadiah wang tunai, malah termasuk ganjaran yang berupa anak-anak gadis sunti yang sanggup menggadaikan maruah diri kepada pelumba, 'mat motor', 'mat rempit' atau apa-apa pun gelaran yang diberikan kepada mereka yang berjaya dalam perlumbaan tersebut. Oleh itu, tidak menghairankan mereka sanggup melakukan apa-apa sahaja demi memperoleh ganjaran yang lumayan dan dapat melampiaskan nafsu serakah mereka.

Sifat ingin tahu memang wujud dalam diri setiap remaja. Biasanya mereka gemar mencuba sesuatu yang baru. Setiap perkara yang dilarang itulah yang ingin diterokai mereka. Fenomena berlumba secara haram sudah sering diperkatakan orang, tetapi masih lagi menimbulkan kebimbangan kepada ibu bapa dan juga masyarakat sekeliling terhadap risiko kemalangan yang akan menimpa anak-anak yang masih muda ini. Berdasarkan perbuatan golongan remaja ini, kita dapat menyimpulkan bahawa mereka melakukan perkara tersebut tanpa memikirkan kesannya kepada diri sendiri dan orang lain sebaliknya ingin menunjukkan belang mengecap keseronokan bersama rakan-rakan sebaya. Malah lebih membimbangkan lagi, kebanyakan remaja yang terjebak dalam lumba haram ini mempunyai latar belakang yang tidak baik seperti menjadi pengedar ubat batuk dan pil khayal.

Langkah-langkah membanteras kegiatan lumba haram

Fenomena kegiatan lumba haram ini sebenarnya berlaku di mana-mana sahaja sama ada di bandar besar mahupun di bandar kecil. Kegiatan seumpama

Lebih-lebih lagi jika perlumbaan itu disertai dengan pertaruhan yang menarik seperti hadiah wang tunai, malah termasuk ganjaran yang berupa anak-anak gadis sunti yang sanggup menggadaikan maruah diri kepada pelumba, 'mat motor', 'mat rempit' atau apa-apa pun gelaran yang diberikan kepada mereka yang berjaya dalam perlumbaan tersebut.



Aksi seorang penunggang motor.(Gambar AFP)

ini semakin menggawatkan sehingga langkah-langkah drastik perlu diambil kira dan ditangani dengan segera. Sebagai langkah proaktif, pihak polis Terengganu telah menjadikan tahun 2004 sebagai tahun membanteras masalah lumba haram secara besar-besaran berikutan gejala tersebut semakin menular khususnya di kalangan remaja di negeri tersebut. Langkah seumpama ini seharusnya dipuji dan mendapat sokongan daripada semua pihak terutama ibu bapa.

Menurut Ketua Polis Terengganu, Datuk Md. Lazim Ahmad, langkah itu wajar diambil berikutan gejala tersebut merupakan isu keselamatan yang perlu ditangani segera kerana membabitkan pengguna jalan raya lain. Sehubungan dengan itu, polis akan meningkatkan operasi jalan raya dari semasa ke semasa di seluruh negeri membabitkan semua anggota polis dan tidak terhad kepada pasukan polis trafik sahaja.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung yang meminta Polis Diraja Malaysia (PDRM) membentuk pasukan khas untuk membanteras gejala lumba haram di kalangan remaja yang dianggap semakin serius di negara ini dan perlu dibanteras habis-habisan memandangkan fenomena negara ini telah pun mula merebak kepada kegiatan samseng. Antara jenis pemeriksaan yang akan ditumpukan oleh pihak polis dalam setiap operasi ialah keadaan motosikal serta penunggangnya. Setiap motosikal yang diperiksa dipastikan memenuhi ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan seperti nombor plat, lesen, serta keadaan enjin sama ada diubah suai atau sebaliknya. Manakala, penunggang pula akan dipastikan bahawa mereka menjalani ujian pemeriksaan dadah dan sekiranya ada antara mereka yang melanggar undang-undang, tindakan tegas akan diambil.

Ekoran daripada fenomena yang berleluasa,

Setiap motosikal yang diperiksa dipastikan memenuhi ciri-ciri keselamatan yang ditetapkan seperti nombor plat, lesen, serta keadaan enjin sama ada diubah suai atau sebaliknya. Manakala, penunggang pula akan dipastikan bahawa mereka menjalani ujian pemeriksaan dadah dan sekiranya ada antara mereka yang melanggar undang-undang, tindakan tegas akan diambil.

pihak polis akan menubuhkan sebuah pasukan khas untuk membanteras kegiatan lumba haram di kalangan remaja yang semakin serius di negara. Ketua Trafik Persekutuan Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner II Koh Hong Sun berkata, penubuhan unit tersebut akan dilaksanakan secepat mungkin, iaitu sebaik sahaja kajian terhadapnya selesai dibuat. Menurutnya, polis memandangkan gejala lumba haram yang semakin berleluasa sehingga merebak kepada perbuatan samseng ketika ini. Pihak polis berusaha membendung aktiviti terbabit dengan mengadakan operasi sekatan jalan raya sekerap yang mungkin di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, operasi seumpama ini belum berkesan menghalang remaja daripada terlibat dalam perlumbaan haram. Sehubungan dengan itu, polis bercadang mengambil pendekatan

lebih tegas dengan menubuhkan unit khas bagi membendung aktiviti berkenaan. Sementara itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga akan memberi tumpuan membanteras kegiatan lumba haram dalam operasi penguatkuasaan tahun ini dengan menyita motosikal yang diubah suai secara haram. Pemilik motosikal dibenarkan menuntut kenderaan masing-masing tetapi perlu membetulkan semula pengubahsuaian bagi mengelak motosikal mereka disenaraihitamkan.

Tegasnya, pihak PDRM dan JPJ perlu mengenal pasti kewujudan bengkel yang terbabit secara langsung dalam kegiatan perlumbaan haram ini. Tindakan yang sama juga dilakukan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pemilik bengkel dalam kawasan yang dikesan bersubahat melakukan pengubahsuaian haram motosikal yang terbabit dalam kegiatan lumba haram tidak akan dibenarkan memperbaharui lesen premis perniagaan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata beliau sudah mengarahkan DBKL memantau bengkel kenderaan bagi memastikan pemiliknya tidak melakukan pengubahsuaian motosikal secara haram. Bengkel yang melakukan pengubahsuaian haram, lesen tidak akan diperbaharui apabila tamat. Tindakan yang sama juga akan dikenakan terhadap bengkel haram.

Sementara itu pula, pihak Trafik Bandaraya telah menubuhkan skuad khas untuk menangani kegiatan lumba haram yang semakin berleluasa di ibu negara sejak kebelakangan ini. Menurut ketuanya, Superintendan Ahmad Shamsuri Ahmad Mukhri, skuad 15 orang anggota termasuk tiga pegawai yang ditubuhkan pada awal tahun ini akan menumpukan tugas risikan dan menahan mereka yang terbabit dalam kegiatan lumba haram di ibu negara. Mereka akan melakukan siasatan terperinci

Tegasnya, pihak PDRM dan JPJ perlu mengenal pasti kewujudan bengkel yang terbabit secara langsung dalam kegiatan perlumbaan haram ini. Tindakan yang sama juga dilakukan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

termasuk mengenal pasti identiti pelumba haram, lokasi perlumbaan, dan bengkel motosikal yang terbabit dalam pengubahsuaian. Menerusi cara ini, kita percaya kegiatan tidak mendatangkan manfaat ini boleh diatasi dengan mengheret kesemua mereka yang terbabit ke muka pengadilan.

Menurutnya lagi, mulai tahun ini juga Trafik Bandaraya akan menahan reman penunggang motosikal yang terbabit dengan lumba haram bagi membolehkan polis menjalankan siasatan bagi mengenal pasti dalang yang terbabit di sebalik aktiviti mereka. Memandangkan beberapa jalan utama di sekitar ibu negara yang dijadikan litar untuk berlumba pada malam minggu diketahui pihak berkuasa, pelumba haram kini beralih arah ke kawasan lain bagi mengelakkan mereka ditahan. Risikan skuad khas mendapati beberapa jalan seperti Jalan Sultan Ismail, Jalan Raja Laut, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Putra, dan Jalan Ipoh yang dulunya yang sering menjadi tumpuan pelumba haram, tetapi kini telah lengang daripada aktiviti tersebut. Siasatan mendapati mereka kini berlumba di Taman Wahyu, Seri Kembangan, dan Jalan Klang Lama.

Sebenarnya, tindakan undang-undang merupakan salah satu daripada jalan penyelesaian yang terbaik bagi mengajar mereka yang tidak bertimbang rasa dan tidak menghormati undang-undang. Semua pihak tentunya tidak bersetuju jika kerajaan campur tangan dengan mengenakan tindakan yang menyusahkan orang ramai. Justeru, kerajaan belum berancang untuk melaksanakan langkah-langkah drastik termasuk menyekat kemasukan motosikal ke kawasan tertentu di Kuala Lumpur bagi mengatasi kejadian ragut dan lumba haram yang dikatakan semakin berleluasa. Kawasan yang dikenal pasti merekodkan banyak kes ragut menggunakan motosikal ialah Bintang Walk, Jalan Sultan Ismail, Jalan Chow Kit, dan Jalan Petaling.

Kerajaan memang bersedia memperkenalkan bentuk hukuman lebih berat termasuk hukuman sebat ke atas penunggang motosikal dan pemandu kenderaan yang terbabit dalam perlumbaan haram. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, cadangan berkenaan bagaimanapun bergantung kepada sejauh mana takrif lumba haram yang mengancam nyawa walaupun peruntukan undang-undang sedia ada sudah dianggap memadai.



Aksi sebegini amat bahaya jika ditiru tanpa langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya. (Gambar AFP)

Kerajaan boleh mempertimbangkan pindaan undang-undang bagi mengenakan hukuman merotan jika hukuman itu dianggap mampu menggerunkan mereka yang terlibat dalam lumba haram.

Buat masa ini peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 sudah mencukupi dan tiada keperluan untuk memindanya buat masa ini. Hal ini juga terpulang kepada Kementerian Pengangkutan untuk mengkaji jika mahu meminda undang-undang sedia ada. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa Seksyen 35 APJ pula menyebut bahawa individu yang didapati bersalah terlibat dalam gejala itu, boleh dikenakan 15 mata penalti di bawah sistem Kaedah Mata Demerit Keselamatan Jalan Raya (Kejara) yang mengakibatkan lesen memandu digantung selama tiga bulan. Peruntukan undang-undang seperti itu mampu menjadi pengajaran kepada mereka yang lain yang turut berhasrat berlumba haram.

Seterusnya, langkah Kementerian Belia dan Sukan mencadangkan pendekatan turun padang bagi mendekati golongan remaja yang berpotensi terlibat dengan perlumbaan haram dan kegiatan sosial bukan sahaja dianggap mesra belia malah akan menjadikan golongan remaja tidak memberontak.

Masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja berpunca daripada kurangnya aktiviti berbentuk jati diri di kalangan remaja. Majlis Belia Malaysia (MBM) seharusnya melaksanakan program hingga ke akar umbi dan menjalankan aktiviti untuk golongan yang bermasalah supaya program yang dianjurkan oleh mereka mencapai objektif yang sepatutnya. MBM seharusnya berperanan lebih aktif untuk menangani masalah perlumbaan haram kerana ia mempunyai peruntukan untuk menjalankan aktiviti untuk belia yang bermasalah.

Pertubuhan belia diminta menjadikan tahun 2004 sebagai tahun bebas daripada lumba haram dengan memperbanyak aktiviti kepada golongan yang bermasalah. Ini kerana kegiatan lumba haram bukan sahaja menyajikan kepuasan kepada pelumba haram malah kerana habuan wang ringgit dan wanita menjadi pertaruhan yang lumayan kepada mereka.

Masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja berpunca daripada kurangnya aktiviti berbentuk jati diri di kalangan remaja. Majlis Belia Malaysia (MBM) seharusnya melaksanakan program hingga ke akar umbi dan menjalankan aktiviti untuk golongan yang bermasalah supaya program yang dianjurkan oleh mereka mencapai objektif yang sepatutnya.



Jadilah pelumba profesional bukan berlumba secara haram. (Gambar AFP)

Masalah lumba haram tidak akan selesai jika pihak berkuasa hanya menangkap pelumba haram. Usaha perlu dibuat bagi membolehkan mereka yang suka berlumba haram berlumba menurut undang-undang. Antara cadangan yang boleh dibuat adalah dengan membina litar lumba untuk golongan ini supaya mereka dapat menyalurkan minat mereka di tempat yang betul, selain mengasah bakat supaya menjadi seorang pelumba profesional pada masa depan.

Golongan remaja sememangnya suka cabaran yang lasak dan ekstrem walaupun cabaran itu amat berbahaya seperti berlumba di jalan raya ini. Oleh itu kerajaan harus menghormati minat mereka dengan membina litar lumba yang bersesuaian dengan minat mereka supaya masalah lumba haram ini dapat diatasi hingga ke akar umbi.

Kesimpulan

Secara tuntas, kerjasama pintar antara pihak polis, pertubuhan belia, parti politik, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), dan jabatan kerajaan mampu menghapuskan kegiatan lumba haram. Kerjasama pintar antara pelbagai pihak akan menjadikan kegiatan lumba haram dapat ditangani secara dua hala. Hal ini kerana selama ini operasi lumba haram hanya dilakukan oleh PDRM atau JPJ. Masyarakat juga mempunyai peranan yang penting dalam perkara ini. Mereka perlu bekerjasama dengan polis supaya gejala ini dapat dibanteras sepenuhnya. Pemimpin masyarakat atau pakar kaunseling perlu dijemput untuk bersama-sama PDRM dan JPJ dalam operasi yang dilakukan oleh remaja.

Golongan belia yang terlibat dengan perlumbaan haram perlu mempunyai anjakan paradigma dan menyedari bahawa jika mereka berhasrat menjadi pelumba terkenal, mereka perlu menggunakan saluran yang betul. Tidak guna hanya mempertontonkan aksi berani mereka kepada kawan-kawan sahaja, mereka perlu menyertai perlumbaan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk dipertontonkan kepada peminat aktiviti pemotoran. Gunalah akal untuk masa depan yang lebih baik kerana perlumbaan haram bukan hanya salah dari segi undang-undang malah mendekati kita dengan maut. Ibu bapa pula perlu sentiasa mengawasi dan memastikan anak-anak mereka tidak terlibat dalam kegiatan yang tidak berfaedah dan bermoral.